

[Home](#) » [Terkini](#)

Muhyiddin Lancarkan Buku 'Rekayasa Kebudayaan'

Submitted by wartadaily on Tue, 24/03/2015 - 04:12



KUALA LUMPUR, 24 Mac - Persidangan julung kali yang diadakan iaitu Art Economy Conference 2015 yang dianjurkan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia bagi merangka perkongsian gabungan dinamik seni dari Timur dan Barat.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin hadir bagi merasmikan serta melancarkan buku 'Rekayasa Kebudayaan' oleh Claude Mollards.

Beliau berkata, umum mengetahui bahawa Perancis begitu berjaya dalam bidang pelancongan yang berasaskan seni dan budaya dengan pendapatan mencecah US\$256 bilion setahun menerusi sektor pelancongan.

"Ia memberi manfaat untuk belajar dari Perancis dan bandar raya lain serta negara lain di seluruh dunia tentang bagaimana mereka berjaya membangunkan strategi untuk menggalakkan industri pelancongan dan seni sebagai penyumbang utama pertumbuhan ekonomi negara.

"Bandar raya Paris merupakan satu contoh jelas tentang bagaimana seni dan budaya menjadi tarikan utama pelancong yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang tinggi dan meletakkan bandar raya itu pada kedudukan dalam kalangan lima wilayah terkaya di Eropah."

Buku dalam bahasa Malayu diterjemahkan daripada buku bahasa Perancis, 'L'ingenierie Culturelle (Kejuruteraan Kebudayaan) itu dikarang oleh Claude Mollard.

Muhyiddin berkata, di Malaysia, industri kreatif, meliputi seni dan budaya, menyumbang kira-kira RM33 bilion kepada KDNK negara.

-Faizal Dato Badarudin (WD MY)

Tags:

[Muhyiddin Yassin](#)